**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

# KERATAN AKHBAR
## 26 Oct 2020 (Isnin)

**Utusan Malaysia**

823 kes, 9 kluster baharu, 8 mati 1
Gabungan teknologi, integriti selesai pencemaran sungai 2
Sengsara rakyat dan politik 'angka' 3

**Harian Metro**

Berselawat secara langsung di MSSAAS 4

**Kosmo**

PKPB tak jejas persiapan PJ City 5

**Sinar Harian**

Perdana Menteri adakan mesyuarat Kabinet hari ini 6
Hormati mekanisme semak dan imbang 7
Sidang DUN Selangor diteruskan ikut SOP 8

**Selangor TV**

ADN Perlu Manfaat Perbahasan Belnjawan Selangor 2021 9
Belanjawan Selangor 2021 Tumpuan Rakyat Seluruh Negeri 10
Cegah Covid-19: MPK Komited Laksana Demonstasi Disinfeksi 11
DNS Saringan Covid-19 Libat 1200 Petugas 12
Jom Sertai Program Bicara Santai Sahsiah Diri MPKL 13

**The Star**

MBPJ ANNOUNCEMENT 14
MBSA COUNTERS 15
MBSJ LICENCE 16
Rulers' meeting ends after over two hours 17
Groups help B40 women earn money sewing protective gear 18
Drainage upgrades bring out pests 19

**Guang Ming Daily**

Illegal landfill found Bukit Raya; City council confiscated 2 lorries and 1 bulldozer 20
MPK disinfected 33 risk areas to prevent pandemic from spreading 21
State council meeting to be held soon; Selangor government to screen 1200 people 22
Malay rulers meet today to discuss whether to issue a state of emergency to fight the pandemic 23

**Malaysia Nanban**

Sanitation works conducted in Sepang! 24

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>26 October 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | 823 kes, 9 kluster baharu, 8 mati |
| Muka Surat | : | 7 |

# 823 kes, 9 kluster baharu, 8 mati

**Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM**
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Meskipun jumlah kes positif Covid-19 mencatatkan penurunan kepada 823 kes berbanding 1,228 kes semalam, namun situasi itu masih membimbangkan apabila terdapat penambahan sembilan kluster baharu dan lapan lagi kematian direkodkan.

Ini menjadikan jumlah kes positif wabak itu di negara ini sebanyak 26,565 kes dengan jumlah kes aktif kebolehjangkitan berjumlah 9,202 kes, manakala kes pulih merekodkan 579 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, bilangan kes baharu di Sabah mencatat kes tertinggi dengan 533 kes, namun jumlah itu menunjukkan penurunan sebanyak 356 kes berbanding semalam.

Kata beliau, ini berikutan jumlah kes baharu yang dicatatkan daripada Penjara Kepayan, Kota Kinabalu telah menurun daripada 434 kes kepada 67 kes.

Walau bagaimanapun, menurut beliau, jumlah itu masih tinggi berbanding negeri-negeri lain, justeru, usaha gigih mengesan lebih banyak kes akan diteruskan di seluruh Sabah yang kini mempunyai 17 daerah merah.

Dalam kenyataan situasi semasa jangkitan penyakit Covid-19, di sini semalam, Noor Hisham berkata, negeri-negeri di Lembah Klang pula mencatatkan sebanyak 99 kes dan 44 kes daripadanya adalah daripada kluster-kluster sedia ada dan baharu.



**MUFTI Selangor, Datuk Mohd Tamyes Abdul Wahid melakukan ujian saringan Covid-19 sebagai persediaan menghadiri Mesyuarat Ketiga Persidangan Dewan Negeri Selangor di Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor di Shah Alam, semalam. - UTUSAN/ZULFADHLI ZAKI**

Katanya, sejumlah 162 kes adalah daripada Kluster Seberang Perai, Kluster Penjara Penjara Kepayan dan Kluster Tembok yang sememangnya terasing di dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Secara Pentadbiran (Temco).

Menurut beliau, sebanyak satu kes merupakan pengunjung pulang dari Sabah sekali gus menjadikan jumlah kes berkaitan sejak 20 September 2020 adalah sebanyak 469 kes.

Katanya, sembilan kluster baharu yang dicatatkan ialah Kluster Titir di Keningau, Sabah (12 kes); Kluster Omadal di Semporna, Sabah (21 kes); Kluster Bandaran di Kota Kinabalu, Sabah (12 kes); Kluster Jambul di Sandakan, Sabah (lapan kes) dan Kluster Bayan di Seberang Perai Utara, Barat Daya dan Timur Laut di Pulau Pinang (enam kes).

Selain itu, katanya turut dicatatkan Kluster Mentari di Petaling, Klang dan Gombak, Selangor dan Seremban, Negeri Sembilan serta Kepong, Kuala Lumpur (17 kes); Kluster Jernih di Seremban, Negeri Sembilan (15 kes); Kluster Seladah di Kuching dan Serian, Sarawak (tujuh kes) dan Kluster Makekar di Johor Bahru dan Kulai, Johor (10 kes).

"Perkembagan kes positif di negeri-negeri lain pula ialah Pulau Pinang mencatatkan 97 kes, Selangor (88 kes), Labuan (26 kes), Negeri Sembilan (22 kes), Sarawak (16 kes), Johor (15 kes) dan Kuala Lumpur (10 kes).

"Di Terengganu mencatatkan tujuh kes kesemuanya daripada Kluster Makekar itu, Perak (enam kes) dan masing-masing satu kes di Kelantan dan Putrajaya," katanya.

Noor Hisham berkata, sebanyak lapan kes kematian yang direkodkan hari ini kesemuanya melibatkan warganegara di Sabah.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 26 October 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Gabungan teknologi, integriti selesai pencemaran sungai |
| Muka Surat | : | 13 |

# Gabungan teknologi, integriti selesai pencemaran sungai

**Oleh ABDUL RAZAK IDRIS**
utusannews@mediamulia.com.my

**SHAH ALAM:** Pencemaran sumber air di negeri ini sehingga menyebabkan bekalannya terganggu tidak mudah dikesan dan dipantau menggunakan dron semata-mata.

Apa yang sepatutnya dilakukan pihak berkuasa adalah mempertingkat kualiti pemantauan dengan turut menggunakan teknologi secara pengesanan jarak jauh atau *remote sensing* dan memproses imej satelit untuk mengesan pencemaran.

Pakar hidrografi dan kawalan banjir dari University of Stuggart Germany, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Sahol Hamid Abu Bakar (**gambar**) berkata, teknologi tersebut mampu memantau pencemaran sungai atau sumber air dengan lebih sistematik berdasarkan data berkala yang dikumpul dari semasa ke semasa.

"Teknologi gambar-gambar satelit adalah pemantauan terbaik kerana cara demikian dapat mengesan keadaan permukaan air sama ada terdapat bahan asing seperti pelarut, minyak hitam atau bahan kimia. Pemantauan imej satelit secara harian dapat membantu pihak berkuasa membuat pengesanan jika berlaku pencemaran.

"Perubahan air melibatkan warna dan bahan berkumpul di permukaan air dapat dikesan satelit yang membuat pengawasan dari semasa ke semasa," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas langkah yang diambil Kerajaan Negeri Selangor untuk memantau pencemaran sungai dengan menggunakan khidmat dron yang berharga RM2 juta.



Menurut Sahol Hamid, masalah pencemaran air akan terus berlaku disebabkan faktor kemanusiaan itu sendiri walaupun memiliki teknologi canggih untuk memantau pencemaran di kawasan sumber air.

Kata beliau, perlu diingatkan bahawa pencemaran dilakukan manusia dan yang memantau sama ada pencemaran berlaku atau tidak juga adalah manusia.

"Jika menggunakan dron, mampukah petugas memantau di waktu malam setiap masa di kawasan yang disyaki berlaku pembuangan sisa yang tidak mesra alam dan mengandungi bahan yang berbahaya?

"Jika ada teknologi baguslah. Namun jika pihak yang mengawal dron terdedah dengan masalah integriti, apakah dia akan melaporkan pencemaran sungai atau sumber air yang tepat?," soalnya.

Mengulas lanjut isu pencemaran air, beliau berharap semua pihak berkuasa yang terlibat dengan sumber air untuk duduk semeja berbincang.

Ujarnya, jika pihak berkepentingan tidak mahu menggunakan teknologi canggih seperti satelit, maka integriti atau faktor kemanusiaan dalam diri penguat kuasa jabatan masing-masing mesti diperkasakan.

"Isunya, pencemaran sungai tidak akan berlaku jika semua pihak berkuasa bekerja memeriksa setiap longkang dan saluran punca bahan pencemaran atau efluen itu dialirkan.

"Justeru, langkah menggunakan dron oleh agensi Kerajaan Negeri Selangor amat sesuai untuk memantau pembuangan sisa pepejal yang mencemar sumber air dari laluan-laluan tersebut," katanya.

Beliau menambah, penggunaan dron hanya berkesan setelah 'jenayah' dilakukan, bukan semasa ia sedang berlaku.

Seterusnya beliau mempersoalkan, jika bahan enap cemar atau efisen dilepaskan pada waktu malam dan laluannya dibersihkan, bolehkah dron beroperasi secara senyap tanpa lampu mampu untuk mengesan perbuatan tersebut?

"Sebaiknya, gunakan satelit untuk menyelesaikan masalah ini. Sebagai negara paling kaya di Malaysia, Kerajaan Negeri Selangor mampu untuk mendapat akses teknologi tersebut," katanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

**KERATAN AKHBAR**
**26 October 2020**

| | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Sengsara rakyat dan politik 'angka' |
| Muka Surat | : | 17 |

# Sengsara rakyat dan politik 'angka'

KATA **SAYA**



*Oleh*
***Ku Seman Ku Hussain***

SEJARAH bukan masa lalu yang terputus dengan masa kini dan masa depan. Sebaliknya menjadi cermin pandang belakang untuk melihat masa depan. Sifat sejarah terus berulang pada zaman, manusia dan kisah berbeza. Sejarah adalah guru yang sentiasa memberikan pengajaran - membezakan antara teladan dan sempadan.

Banyak sejarah yang melingkari pemimpin-pemimpin besar dunia boleh dijadikan iktibar dari pelbagai sudut dan sepanjang zaman. Tidak kurang sejarah yang merakamkan kerakusan dan sikap haloba pemimpin yang akhirnya 'diajar' oleh rakyat sendiri.

Episod begini tidak mustahil akan berulang sekiranya ada pemimpin yang tidak sedar tingkah lakunya diperhati, agendanya diamati dan sisi buruknya terungkai satu demi satu.

Namun, bukan semua rakyat boleh diperkuda untuk menzahirkan mimpi pemimpin rakus sebegini. Hanya segelintir yang naif dan kurang bijak mengamati bidak-bidak diatur.

Sejarah Revolusi Perancis hujung abad ke-18 (1789-1799) wajar ditaakuli dengan mata hati. Pemimpin yang tidak berjiwa rakyat seperti Raja Louis XVI dan isterinya, Marie Antoinette adalah contoh pemimpin yang tidak wajar diteladani. Ketika rakyat tertekan dengan kemerosotan ekonomi, pemimpin ini terus memperteguhkan kuasa dan hidup dalam kemewahan melampau.

Sejarah revolusi ini bukan sahaja memerikan tentang perubahan landskap politik daripada feudal kepada kuasa rakyat, tetapi perihal watak-watak dalam sejarah itu menunjukkan tidak menghayati keperitan rakyat. Perihal pemimpin yang terus menggenggam kemewahan ketika rakyat terhimpit keperitan hidup.

Sebagai pemegang kuasa pada ketika itu, Raja Louis gagal menggunakan kuasanya untuk membela nasib rakyat, walhal itulah antara tugas besar seorang pemimpin. Ini kerana kuasa bagi pemimpin seperti beliau bertujuan menangguk kemewahan dan melaksanakan agenda peribadi.



**RAJA Louis XVI dan isterinya, Marie Antoinette dikatakan tidak berjiwa rakyat dan antara contoh pemimpin yang tidak wajar diteladani. - GAMBAR INTERNET**

> **"Sejarah revolusi ini bukan sahaja memerikan tentang perubahan landskap politik daripada feudal kepada kuasa rakyat, tetapi perihal watak-watak dalam sejarah itu menunjukkan tidak menghayati keperitan rakyat."**

Kuasa dan kerakusan telah menjadi sebati dengan matlamat sesetengah pemimpin. Kuasa adalah kunci yang membuka pintu kepada segala hajat hati. Maka kepada yang kurang nilai moral dan pekerti, mudah sahaja menggunakan kuasa untuk diri sendiri dan juak-juak di sekeliling.

**MANDAT**

Di bibir tidak pernah kering dengan ayat basi, 'mandat rakyat' atau 'demi rakyat.' Ah, demikianlah mudahnya mencipta keterpesonaan dalam kalangan pengikut. Hakikatnya amat rakus membilang 'angka' untuk berkuasa ketika rakyat teruk dilanda wabak dan hilang pendapatan.

Pemimpin berjiwa rakyat perlu berkongsi kepahitan, redakan kerakusan dan tidak perlulah beriya-iya dengan 'angka'. Bantulah pemimpin yang sudah ada dan berperanan menangani bencana. Tidak eloklah ketika rakyat dilanda malapetaka masih lagi membilang 'angka' yang entah dari mana datangnya.

Mengganggu-gugat keadaan yang sudah bercempera memberikan kesan buruk kepada rakyat. Kalau 'angka' itu tulen, sudah tentu tidak akan luput tarikh. Bila sampai waktu, ia tetap akan membawa makna. Setahun, dua tahun malah tiga tahun sekalipun tidak akan berubah nilainya pada 'angka' itu.

Pemimpin yang hilang nilai insani ketika rakyat lelah berlawan dengan wabak Covid-19 sangat membimbangkan. Pemimpin jenis ini seolah-olah berada di dunia yang asing dan terpisah dengan rakyat. Ketika rakyat menderita kehilangan mata pencarian dan negara di ambang kegawatan ekonomi, mereka sibuk dengan 'angka' sebagai petunjuk kuasa.

Rakyat sangat menderita - angka mangsa wabak semakin meningkat dan angka pendapatan semakin menurun. Kerajaan dengan barisan kepimpinan yang ada berhempas pulas dengan fikir dan tenaga seupayanya. Malah tidak punya masa untuk membalas 'serangan ' kerana memikirkan masalah rakyat yang lebih utama.

Tatkala pemimpin lain bersengkang mata mencari kaedah menyudahkan beban yang tidak tertanggung lagi oleh rakyat, ada pula yang tidak tidur mencaturkan 'angka' sebagai tiket ke persada kuasa. Berbulan-bulan dicaturnya 'angka' - dicampur tolak darab dan bahagi.

Hanya kerana angka? Hah, kalau benarlah begitu bererti semua yang dimuntahkan 'demi mandat rakyat' hanya mainan untuk memaniskan suatu yang pahit. Kerakusan sebenarnya sangat sukar untuk ditutup dengan retorik yang indah-indah.

Dalam keadaan rakyat yang bergantung harap dengan pemimpin tidak kira di sebelah mana posisinya, tentulah amat mengecewakan apabila tiba-tiba ada bertukar menjadi pemburu 'angka'. Padahal 'angka' boleh dikemudiankan, kepentingan rakyat didahulukan.

Wabak menuntut iltizam tidak berbelah bagi bukan sahaja daripada kerajaan tetapi semua pemimpin dan sekelian rakyat. Ini musuh bersama - bukan hanya parti itu atau parti ini. Wabak ini adalah musuh negara dan kita semua wajar bersatu untuk berhadapan dengannya.

Angka-angka tidak akan membawa makna kalau rakyat dan negara terus menuju kehancuran - wabak semakin mengganas dan rakyat hilang pendapatan. Malah 'angka' tidak akan menjawab keluh kesah dan ratap tangis marhaen yang kelaparan.

'Angka' itu hanya penting untuk yang berkepentingan, kepada rakyat, ia tidak bermakna apa-apa, jauh sekali selesaikan masalah kehabisan beras dan susu untuk keluarga.

Titah Yang di-Pertuan Agong dan Sultan Selangor supaya pemimpin politik lebih menumpukan usaha membantu dan menyelesaikan masalah yang membelenggu rakyat kelihatannya bagai angin lalu pada pemimpin sebegini.

Pada masa sama, rakyat berputih mata menunggu pembelaan daripada pemimpin lantaran kesibukan mereka membilang angka yang entah bila tarikh tamatnya, seolah-olah kononnya hanya dengan angka keramat itulah dunia akan berubah segalanya.

PENULIS ialah Editor portal *Kuseman.com*

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 26 October 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Harian Metro |
| Tajuk Berita | : | Berselawat secara langsung di MSSAAS |
| Muka Surat | : | 19 |

# Berselawat secara langsung di MSSAAS

**Shah Alam:** Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) akan mengadakan Program Selangor Berselawat secara langsung di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (MSSAAS) pada 28 Oktober ini.

Pengarah Jais, Mohd Shahzihan Ahmad berkata, program berkenaan diadakan sempena sambutan Maulidur Rasul 1442H peringkat Selangor dan akan diadakan serentak di seluruh masjid dan surau negeri ini.

"Atur cara program dimulakan dengan solat fardu Maghrib berjemaah, solat hajat, berselawat, bermunajat dan ceramah agama.

"Justeru, pentadbir masjid dan surau dengan jumlah terhad ditentukan di zon hijau (daerah Sabak Bernam), daerah-daerah di zon kuning dan zon merah serta semua umat Islam di kediaman masing-masing diminta melaksanakan solat Maghrib tepat pada waktunya diikuti dengan solat hajat bersama jemaah dan ahli keluarga.

"Pada jam 7.30 malam, bacaan selawat dan munajat akan dimulakan dengan dipimpin oleh Imam Besar MSSAAS dan diteruskan dengan ceramah agama khas sempena Maulidur Rasul," katanya.

Beliau berkata, umat Islam di Selangor boleh mengikuti dan menghayati ceramah khas Maulidur Rasul secara langsung melalui pautan laman sosial MSSAAS di www.facebook.com/masjidssaas.

Katanya, teks selawat dan munajat juga turut disediakan dan boleh di muat turun di www.jais.gov.my atau e- masjid.jais.gov.my.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR<br>26 October 2020 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | PKPB tak jejas persiapan PJ City |
| Muka Surat | : | 47 |

# PKPB tak jejas persiapan PJ City

**KETUA** jurulatih Petaling Jaya City FC (PJ City), K. Devan mengakui, persiapan pasukannya mengharungi kempen Piala Malaysia tidak terjejas meskipun berdepan cabaran apabila Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dilaksanakan di Selangor.

Pengendali berusia 53 tahun itu enggan menjadikan PKPB yang terpaksa dilaksanakan ekoran penularan pandemik Covid-19 sebagai beban, malah menyifatkan skuad bimbingannya tetap bersemangat untuk memberi fokus kepada sesi latihan ketika ini.

"Walaupun ketika ini masih PKPB tetapi itu bukan alasan untuk kami tidak melakukan persiapan. Semua pemain memberi kerjasama yang sebaiknya untuk menghadapi saingan Piala Malaysia.

"Kami telah menjalankan kem latihan pusat di Negeri Sembilan dan kini menunggu 'lampu hijau' untuk menggunakan Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ). Majlis Keselamatan Negara telah membenarkan aktiviti di padang bola sepak bagi tujuan latihan yang terhad kepada 10 orang.

"Saingan Piala Malaysia adalah kejohanan berprestij dan memang saya nampak kesemua pemain komited untuk memberikan aksi terbaik. Jadi, saya tidak mahu PKPB ini menjejaskan semangat pemain," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Devan enggan meletakkan sasaran awal, sebaliknya mahu melihat terlebih dahulu lawan PJ City dalam undian Piala Malaysia oleh Liga Bola Sepak Malaysia (MFL) pada 1 November ini sebelum sepak mula kejohanan itu lima hari kemudian.

"Kami ada misi untuk Piala Malaysia, namun saya tak mahu menentukan sasaran terlalu awal sebab nak tengok dulu sesi undian berlangsung. Selepas itu barulah boleh agak sejauh mana kami mampu mara," jelasnya.




**BARISAN pemain PJ City hanya menanti 'lampu hijau' untuk menjalani latihan di Stadium MBPJ menjelang saingan Piala Malaysia yang akan berlangsung 6 November ini.** – PJ CITY

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR 26 October 2020 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Perdana Menteri adakan mesyuarat Kabinet hari ini |
| Muka Surat | : | 2 |

# Perdana Menteri adakan mesyuarat Kabinet hari ini

**SHAH ALAM** - Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin difahamkan telah memanggil Jemaah Menteri untuk menghadiri mesyuarat Kabinet di Putrajaya hari ini.

Antara agenda mesyuarat Kabinet itu adalah reaksi susulan mesyuarat Raja-raja Melayu yang diadakan di Istana Negara, Kuala Lumpur petang semalam dan perkembangan semasa pandemik Covid-19.

Sumber berkata, jemputan telah dikeluarkan pejabat Perdana Menteri sebelum mesyuarat Raja-raja Melayu itu tamat.

"Mesyuarat bersama Menteri Besar dan Ketua Menteri bermula jam 9.30 pagi dan mengambil masa dua jam. Jemputan untuk mesyuarat Kabinet pula jam 11.30 pagi," katanya di sini semalam.

Muhyiddin dijangka mempengerusikan mesyuarat Kabinet selepas selesai mesyuarat beliau bersama semua Menteri Besar dan Ketua Menteri di pejabatnya hari ini.

Bagaimanapun, Pejabat Menteri Besar Selangor dalam satu kenyataan yang dikeluarkan malam tadi memaklumkan bahawa pertemuan Perdana Menteri dengan semua Menteri Besar dan Ketua Menteri itu dibatalkan.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

QUALITY SYSTEM SIRIM IQNet
CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KORPORAT INTEGRITI & MESRA

| **KERATAN AKHBAR**<br>**26 October 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Hormati mekanisme semak dan imbang |
| Muka Surat | : | 3 |

# Hormati mekanisme semak dan imbang

Raja-raja Melayu berpendirian peranan Agong penting bagi batasi unsur penyalahgunaan kuasa

**KUALA LUMPUR**

Raja-raja Melayu berpendirian mekanisme semak dan imbang antara pelbagai cabang kerajaan perlu dihormati dan peranan Yang di-Pertuan Agong untuk mengimbangkan pelbagai tuntutan adalah penting demi menjamin berlakunya keadilan dan membatasi sebarang unsur penyalahgunaan kuasa.

Menurut satu kenyataan yang dikeluarkan oleh pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-raja malam tadi, Raja-raja Melayu turut menegaskan pentingnya prinsip Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen diterjemahkan melalui budaya pemerintahan yang pada setiap masa meluhurkan Perlembagaan Negara dan mendaulatkan undang-undang serta mengutamakan kebajikan rakyat jelata.

Berikut adalah kenyataan penuh yang dikeluarkan oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-raja, Tan Sri Syed Danial Syed Ahmad selepas pertemuan Raja-raja Melayu dengan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah di Istana Negara, Kuala Lumpur petang semalam:

Menyambut undangan Kebawah Duli yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustaffa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Raja-raja telah mengadakan perjumpaan bersama Seri Paduka Baginda pada hari Ahad, 8 Rabiulawal 1442, bersama 25 Oktober 2020, bertempat di Istana Negara, Kuala Lumpur. Perjumpaan dihadiri oleh:

1. DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
2. DYMM Sultan Terengganu
3. DYMM Raja Perlis
4. DYMM Sultan Selangor
5. DYMM Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan
6. DYMM Sultan Johor
7. DYMM Sultan Perak
8. DYMM Sultan Kedah
9. DYMM Pemangku Raja Pahang

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memaklumkan kepada Raja-raja akan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri yang bersidang pada 23 Oktober 2020, memohon perkenan Seri Paduka Baginda untuk mengisytiharkan darurat berdasarkan Perkara 150 Perlembagaan Malaysia.

Berpandukan prinsip raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen, di samping memahami keseriusan implikasi daripada permohonan tersebut terhadap imej negara, pandangan dunia antarabangsa, keyakinan para pelabur dari luar dan dalam negara serta aspek kemakmuran negara dan kehidupan rakyat jelata, Seri Paduka Baginda dengan kearifan dan bijaksana berpendirian amat penting untuk perkara tersebut dibincangkan secara bersama dengan Raja-raja Pemerintah.

Raja-raja Pemerintah menzahirkan penghargaan pada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas sifat Seri Paduka Baginda memilih melakukan rundingan dan konsultasi sebelum memberikan sebarang perkenan dan menzahirkan apa-apa keputusan menyentuh perkara yang sangat penting.

Semangat tersebut adalah selaras dengan budaya syura yang sangat dianjurkan oleh Islam ketika ummah menghadapi sesuatu persoalan yang memerlukan penyelesaian.

Dalam perjumpaan tersebut Raja-raja telah mencambahkan pandangan dan menzahirkan pendapat secara terbuka dan berterus terang dalam semangat saling menghormati, agar dapat dijadikan bahan panduan dan rujukan, membantu Seri Paduka Baginda membuat ketetapan.

Raja-raja berpendirian pentingnya dihormati mekanisme semak dan imbang antara pelbagai cabang kerajaan dan peranan Seri Paduka Baginda untuk mengimbangkan pelbagai tuntutan demi menjamin berlakunya keadilan dan membatasi sebarang unsur penyalahgunaan kuasa.

Raja-raja turut menegaskan pentingnya prinsip Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen diterjemahkan melalui budaya pemerintahan yang pada setiap masa meluhurkan Perlembagaan Negara dan mendaulatkan undang-undang dan mengutamakan kebajikan rakyat jelata.

Kenyataan media ini dikeluarkan dengan titah perkenan Raja-raja.


KENYATAAN MEDIA
PENYIMPAN MOHOR BESAR RAJA-RAJA

Menyambut undangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agung, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustaffa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah. Raja-Raja telah mengadakan perjumpaan bersama baginda pada hari Ahad, 8 Rabiul Awal 1442, bersamaan 25 Oktober 2020 bertempat di Istana Negara Kuala Lumpur. Perjumpaan dihadiri oleh;

1. DYMM Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong
2. DYMM Sultan Terengganu
3. DYMM Raja Perlis
4. DYMM Sultan Selangor
5. DYMM Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan
6. DYMM Sultan Johor
7. DYMM Sultan Perak
8. DYMM Sultan Kedah
9. DYMM Pemangku Raja Pahang

Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agung memaklumkan kepada Raja-raja akan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri yang bersidang pada 23 Oktober 2020, memohon perkenan baginda untuk mengisytiharkan darurat berdasarkan Perkara 150 Perlembagaan Malaysia. Berpandukan prinsip raja berperlembagaan - demokrasi berparlimen, di samping memahami keseriusan implikasi daripada permohonan tersebut terhadap imej negara, pandangan dunia antara bangsa, keyakinan para pelabur dari luar dan dalam negara, serta aspek kemakmuran negara dan kehidupan rakyat jelata, baginda dengan kearifan dan bijaksana berpendirian amat penting untuk perkara tersebut dibincangkan secara bersama dengan Raja-raja Pemerintah.

Raja-raja Pemerintah menzahirkan penghargaan pada Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong atas sifat baginda memilih melakukan rundingan dan konsultasi sebelum memberikan sebarang perkenan dan menzahirkan apa-apa keputusan menyentuh perkara yang sangat penting. Semangat tersebut adalah selaras dengan budaya syura yang sangat dianjurkan oleh Islam ketika ummah menghadapi sesuatu persoalan yang memerlukan penyelesaian.

